

**Jurnal Qiraat**

Fakulti Pengajian Peradaban Islam,
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang Selangor
2025, Vol 8, Bil 1, Halaman 30-39

Hubungan Antara Tadabbur Dengan Kalimah *Mutarādif* Dalam Al-Quran

The Relationship Between Tadabbur and Synonymous Words (*Kalimah Mutarādif*) in The Quran

Rohana Zakaria ^{1*} & Sofea Thanaa' Saibon²

¹ Jabatan Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor (UIS), Selangor.

² Jabatan al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor (UIS), Selangor.

* Corresponding Author: Your Name. Department, Faculty, Name of University, Postal Code, Country, e-mail, Phone Number, ORCID iD.

Artikel dihantar: 5 Jun 2025

Artikel diterima: 28 Jun 202

Artikel diterbit: 30 Jun 2025

ABSTRACT

The uniqueness and distinctiveness of the Arabic language, which continues to evolve in the modern era, encourages people to constantly seek knowledge, learn, and deeply understand the intricacies of the Arabic language as the language of the Quran. Within it are words that differ in pronunciation but share similar meanings in the context of Quranic translation, commonly known as *kalimah mutarādif* (synonymous words). The objective of this study is to analyze the correlation between *tadabbur* of the Quran and the *mutarādif* found within the Quran. This study is qualitative in nature, conducted through library research and document analysis as part of the data collection process. The findings show that *tadabbur* is the best approach to understand and deeply comprehend the verses of the Holy Quran, as well as to uncover the hidden secrets and implied meanings, such as the meanings of synonymous words (*kalimah mutarādif*). This is because a strong understanding of Quranic verses can lead a person to the path of truth and encourage a life that is close to Allah SWT. It is hoped that this study will provide enlightenment regarding the relationship between *tadabbur* and *kalimah mutarādif* in the Quran, and consequently, positively impact those who engage in *tadabbur* in exploring the meanings of the verses and the overall content of the Quran.

Keywords: *tadabbur al-Quran, mutarādif, correlation of tadabbur.*

ABSTRAK

Keunikan dan keistimewaan bahasa Arab yang meniti arus pemodenan pada hari ini mendorong manusia untuk sentiasa mengetahui, mempelajari dan mendalami selok-belok keunikan bahasa Arab sebagai bahasa al-Quran. Di dalamnya terdapat kalimah-kalimah yang berbeza dari sudut lafaz namun mempunyai kesamaan makna dari sudut terjemahan al-Quran yang lebih dikenali sebagai kalimah *mutarādif*. Maka objektif kajian ini dilaksanakan adalah untuk menganalisis hubungan antara *tadabbur al-Quran* dengan *mutarādif* yang terdapat dalam al-Quran. Kajian ini



merupakan kajian bersifat kualitatif yang berbentuk *library research* (penelitian kepustakaan) dan analisis dokumen dalam proses pengumpulan data kajian. Hasil kajian menunjukkan bahawa tadabbur merupakan satu jalan yang terbaik untuk memahami dan mendalami ayat-ayat suci al-Quran serta menggali segala rahsia-rahsia dan makna-makna yang tersirat seperti makna kalimah-kalimah *mutarādif*. Hal demikian kerana pemahaman yang mantap terhadap ayat-ayat al-Quran dapat membawa seseorang ke jalan kebenaran serta mendorong ke arah kehidupan seorang muslim yang dekat dengan Allah SWT. Diharapkan kajian ini akan memberi pencerahan terhadap kaitan antara tadabbur dengan kalimah *mutarādif* dalam al-Quran seterusnya memberi kesan kepada pentadabbur dalam menyelami makna-makna ayat dan isi keseluruhan kandungan al-Quran.

Kata Kunci: *tadabbur al-Quran, mutarādif, pentadabbur, hubungan tadabbur dan mutaradif.*

How to Cite: Zakaria, R., & Thanaa', S. (2025). Hubungan Antara Tadabbur Dengan Kalimah Mutarādif Dalam Al-Quran : The Relationship Between Tadabbur And Synonymous Words (Kalimah Mutarādif) In The Quran. *QIRAAT: Jurnal Al-Quran Dan Isu-Isu Kontemporari*, 8(1), 29–39.

DOI: <https://doi.org/10.53840/qiraat.v8i1.93>

1.0 PENGENALAN

Gaya bahasa al-Quran mempunyai keunikan dan keindahan tersendiri sehingga ia tidak mampu ditandingi oleh bahasa-bahasa lain yang wujud di seluruh alam ini. Kehebatan dan keindahan bahasa al-Quran turut terbukti menerusi penggunaan kalimah-kalimahnya yang pelbagai mengikut kesesuaian sesebuah struktur ayat. Ini menunjukkan bahawa al-Quran kaya dengan bahasa serta sarat dengan pelbagai makna yang tersirat disebalik kalimah-kalimah yang digunakan.

Menurut Alamuddin Syah (2017) menyatakan bahawa setiap kalimah yang diungkapkan dalam al-Quran mempunyai maksudnya yang tersendiri, sebagaimana kalimah yang mempunyai maksud yang sama terkadang ia diungkapkan dalam pilihan kata yang pelbagai. Pengungkapan yang bervariasi ini disebabkan dalam al-Quran tidak terdapat kalimah yang memiliki kesamaan dari sudut makna .

Dalam pada itu, Ahmad Bazli et al (2015) menjelaskan para ulama yang menceburi bidang kajian terjemahan al-Quran berpendapat bahawa secara umumnya, ayat-ayat al-Quran hanya diterjemahkan berdasarkan makna asal sahaja dan ia hanya melibatkan sebahagian kecil daripada makna tersebut. Terjemahan tersebut adalah berdasarkan kepada keupayaan pemahaman manusia terhadap kaedah-kaedah yang telah diperakui seperti kaedah bahasa Arab serta keterangan hadis yang selari dengan al-Quran. Ini menunjukkan bahawa terjemahan bagi setiap ayat-ayat al-Quran hanya diterjemahkan secara umum dan mengikut makna asal kalimah yang terkandung dalam ayat tersebut.

Selain itu, Ali Akbar (2020) menyatakan bahawa al-Quran tidak menterjemah kalimah pada ayat-ayatnya secara mendalam dan terperinci melainkan ia diterjemahkan hanya dengan sepatah perkataan. Beliau juga turut menyatakan dalam kajiannya bahawa al-Quran telah mendefinisikan berbagai macam lafaz dosa yang berbeza namun secara singkat ia dimaknai sebagai dosa. Ini menunjukkan bahawa sesungguhnya terdapat banyak perbezaan dalam memahami kalimah-kalimah dalam al-Quran yang dapat diertikan sebagai dosa.

Kelemahan dari sudut kemahiran bahasa Arab juga merupakan antara punca kepada salah tafsir al-Quran kerana ia merupakan elemen utama yang penting dalam menafsirkan ayat-ayat suci al-Quran. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Nurul Anis & Khazri Osman (2024) bahawa bahasa Arab bukan sekadar alat dalam berkomunikasi bahkan ia merupakan suatu kunci untuk memahami isi kandungan al-Quran dan hadis secara mendalam dan terperinci. Hal demikian kerana kefahaman yang baik terhadap bahasa Arab merupakan satu peluang untuk mengeratkan hubungan antara seorang hamba dengan Allah SWT.



Situasi masyarakat pada hari ini tidak mengambil berat tentang kepentingan dan tujuan sebenar Allah SWT menurunkan kitab suci al-Quran sehingga kebanyakan umat Islam pada hari ini membaca al-Quran hanya kerana menganggap ia merupakan suatu amalan yang akan memperoleh ganjaran pahala semata. Sedangkan al-Quran merupakan sebuah kitab yang harus ditadabbur agar dapat difahami dan dihayati isi kandungannya seterusnya dapat diamalkan dalam kehidupan (Rohana Zakaria et al 2018) . Sehubungan itu amalan tadabbur merupakan amalan yang amat penting agar seseorang itu dapat memahami isi kandungan al-Quran dengan sebaiknya seterusnya dapat melindungi diri daripada kesalahan mentafsirkan ayat-ayat al-Quran.

Pada masa kini, bidang pengajian al-Quran di Malaysia dilihat sebagai suatu bidang yang semakin berkembang dengan mendapat sambutan yang memberangsangkan dalam kalangan masyarakat. Pembelajaran al-Quran diadakan secara meluas di seluruh peringkat sama ada di peringkat sekolah, universiti dan masyarakat awam. Namun demikian, amalan tadabbur ayat-ayat suci al-Quran untuk mengambil pengajaran serta menggali dan memahami ilmu-ilmu yang terkandung pada ayat-ayatnya sama ada dari sudut isi kandungan mahupun ayat masih kurang dititikberatkan. Hal demikian kerana jika diperhatikan secara umum, terutamanya dalam kalangan masyarakat awam, didapati bahawa masih kurang pendedahan serta pengetahuan berkaitan ilmu-ilmu yang terkandung dalam al-Quran misalnya berkaitan kalimah *mutarādif* yang terdapat dalam ayat-ayat al-Quran. Sedangkan pengetahuan berkaitan kalimah *mutarādif* dapat membantu seseorang dalam memahami makna ayat-ayat al-Quran dengan lebih baik dan mendalam.

Elemen *mutarādif* ini dapat dikesan apabila terdapat kalimah-kalimah berbeza yang terkandung pada ayat-ayat suci al-Quran namun ia memberikan terjemahan yang sama. Misalnya seperti kalimah *al-dhanb* (الذنب) dan *al-ithm* (الإثم) yang diterjemahkan sebagai dosa, kalimah *marīḍ* (مریض) dan *saqīm* (سقیم) diterjemahkan dengan makna sakit, kalimah *khalāqa* (خلق) dan *ja'ala* (جعل) diterjemahkan sebagai menjadikan dan kalimah *khauf* (خوف) dan *khasyyah* (خشية) diterjemahkan sebagai ketakutan.

Selain itu, kalimah-kalimah yang terkandung pada ayat-ayat al-Quran juga hanya diterjemahkan berdasarkan makna umum atau makna sebenar kalimah sahaja. Sebagai contoh, kalimah *al-dhanb* (الذنب) diterjemahkan hanya dengan makna dosa dan tidak diterjemahkan makna dosa tersebut secara terperinci. Dalam pada itu, ayat-ayat suci al-Quran juga tidak mentafsirkan kalimah yang terkandung padanya satu per satu secara menyeluruh namun ia ditafsir menggunakan makna yang umum berdasarkan kesesuaian keseluruhan ayat al-Quran. Oleh demikian kajian ini penting untuk melihat bagaimana hubungan antara tadabbur dengan kalimah *mutarādif* yang terdapat dalam al-Quran yang menjadi elemen penting dalam menghayati isi kandungan al-Quran.

2.0 KONSEP TADABBUR

Secara etimologi , kalimah tadabbur berasal daripada perkataan '*dabara*' dalam bahasa Arab ertinya 'belakang'. Manakala maksud terminologinya menurut al-Lahim (2004) merupakan penghayatan menyeluruh yang boleh sampai pada makna-makna tersirat dari kalamullah dan peringatan-peringatan yang mendalam dan terperinci. Manakala menurut al-Qardhawi (1999) tadabbur adalah memikirkan di sebalik sesuatu perkara yakni akibatnya. Ia hampir dengan makna tafakkur. Namun makna tafakkur adalah menggerakkan hati atau memikirkan dalil. Manakala tadabbur menggerakkan fikiran tentang akibatnya. Selain itu, makna tadabbur menurut al-Zuhaili (2009) adalah merenungkan makna-maknanya dan meneliti kandungannya. Kalimah tadabbur menurut pengertian istilah turut mempunyai pelbagai kupasan oleh para ulama. Menurut dapatan Nurul Zakirah (2014) kebanyakan takrifan ulama tafsir mengenai kalimah tadabbur menerangkan makna yang hampir serupa dan tiada perselisihan. Kesimpulannya tadabbur boleh dirumuskan sebagai membaca al-Quran yang disertai dengan penggunaan akal dan hati dalam memahami, menghayati dan memikirkan setiap ayat al-Quran dengan kefahaman terhadap maknanya serta merealisasikan makna tersebut melalui perbuatan, sikap dan amalan dalam kehidupan seharian. Oleh itu setiap anggota badan seharusnya memainkan peranan dalam merealisasikan bacaan al-Quran secara tadabbur.

Terdapat pelbagai tujuan mentadabbur al-Quran, antaranya adalah untuk melihat dan merasakan keagungan ayat-ayat al-Quran melalui mata hati. Menurut Syamsuar Hamka (2021) dalam kajiannya menyatakan bahawa



pembelajaran al-Quran dengan kaedah tadabbur merupakan pembelajaran al-Quran yang bertujuan untuk membuka hati manusia agar dapat merasakan keagungan dan kehebatan ayat-ayat al-Quran serta dapat membuktikan bahawa al-Quran benar-benar datang dari Allah SWT.

3.0 KONSEP MUTARĀDIF DALAM AL-QURAN

Kalimah *al-tarāduf* (الترادف) dalam bahasa Arab berasal daripada kata akar *ra'-dal-fa'* (ر-د-ف), *masdarnya* ialah *al-ridf* (الردف) dan *jamaknya* ialah *al-rudāfā* (الردافي). Kalimah *al-ridf* (الردف) bermaksud segala sesuatu mengikuti sesuatu yang lain manakala *al-tarāduf* (الترادف) bermaksud apabila sesuatu mengikuti sesuatu yang lain dibelakangnya. Kalimah *mutarādif* (مترادف) pula merupakan *isim fa'il* (lil musyarakah) yang bermaksud beberapa kalimah dengan satu makna (Ibnu Manzur, 1986). Menurut Ibn Faris (2001) kalimah *al-tarāduf* (الترادف) merupakan *masdar* bagi kata kerja *tarāduf* (ترادف) yang berasal daripada kalimah *ra'-dal-fa'* (ر-د-ف). Ia menunjukkan makna dasar mengikuti sesuatu. Kalimah *al-tarāduf* (الترادف) bermaksud al-tatabu' (التتابع) yang bermaksud saling mengikuti.

Muhammad Nur al-Din al-Munajjid (1997) menyatakan bahawa Imam Sibawaih dikatakan sebagai orang pertama yang memberikan penjelasan berkaitan *mutarādif* dalam ilmu bahasa. Dalam penjelasannya, beliau membahagikan konteks hubungan antara lafaz dan makna kepada tiga bahagian iaitu lafaz-lafaz yang pelbagai dengan makna yang pelbagai, satu lafaz yang mempunyai makna yang pelbagai dan pelbagai lafaz dengan hanya satu makna. Justeru melalui pembahagian ini wujudnya konsep *mutarādif*.

Menurut Ibn Jinni (1956) *mutarādif* merupakan suatu fenomena berlakunya persamaan dan perkongsian makna antara kalimah-kalimah yang berlainan pada asalnya. Sebagaimana kalimah *al-khalīqah* (الخالقة) yang berasal daripada *khalāqa* (خلق) memiliki makna yang sama dengan kalimah *al-ṭabī'ah* (الطبيعة) yang berasal daripada *ṭaba'a* (طبع). Al-Jurjani (2009) menyatakan bahawa *mutarādif* merupakan kalimah yang mempunyai beberapa nama dengan satu makna. Selain itu, menurut Muhammad al-Tunji dan Raji al-Asmar (1993) *mutarādif* merupakan perbezaan kalimah dengan satu pengertian. Misalnya kalimah *al-maskan* (المسكن), *al-manzil* (المنزل), *al-dār* (الدار) dan *al-bayt* (البيت). Setiap kalimah tersebut membawa kepada satu pengertian. Seterusnya, Al-Akk (1986) menyebutkan dalam kitabnya bahawa al-A'rabi berpendapat *mutarādif* merupakan dua perkataan berbeza yang kebiasaannya digunakan oleh orang Arab untuk menyebutkan satu nama atau benda yang sama dengan kaedah penggunaannya yang berbeza. Beliau membezakan dua kata tersebut dari segi penggunaannya walaupun ia membawa maksud yang sama.

Berdasarkan definisi-definisi yang dikemukakan, dapat disimpulkan bahawa *mutarādif* menunjukkan kepada beberapa perkataan yang berbeza mempunyai persamaan makna secara umum manakala secara khusus setiap kalimah tersebut mempunyai perincian makna yang tersendiri. Sebagaimana contoh kalimah *khauf* (خوف) dan *khasyyah* (خشية) yang bermaksud takut. Kalimah *khauf* (خوف) bermaksud ketakutan berbentuk gambaran perasaan terhadap bahaya yang mengancam iaitu ketakutan terhadap makhluk manakala *khasyyah* (خشية) bermaksud ketakutan yang dikhususkan hanya kepada Allah SWT.

Setiap ilmu yang dipelajari pasti mempunyai faedahnya yang tersendiri. Faedah-faedah yang diperolehi akan melahirkan seorang individu yang berilmu dalam bidang yang didalami. Mempelajari *mutarādif* juga mempunyai faedah-faedahnya yang akan diperolehi bagi orang-orang yang memahami dan menguasainya. Berikut merupakan antara faedah-faedah mempelajari ilmu *mutarādif*.

a. *Mutarādif* merupakan satu bentuk kepelbagaian cara dalam menyampaikan ucapan.

Kewujudan kalimah *mutarādif* merupakan suatu alternatif yang dapat membantu penutur dalam mengungkapkan kata-kata yang selamat daripada sebarang penyakit dan tekanan semasa menuturkan kata-kata. Demikian juga apabila penutur lupa atau mengalami kesukaran dalam menuturkan suatu kalimah, justeru masih terdapat alternatif lain dalam menyampaikan maksud yang ingin disampaikan melalui penyebutan kalimah lain yang menjurus kepada



makna yang hampir sama. Justeru, keluasan dalam mengungkapkan kalimah ini menunjukkan keindahan serta kecantikan semasa bertutur sehingga dapat mempengaruhi pendengar serta perasaannya yang mana ianya mencapai tujuan dalam menuturkan kata-kata.

b. *Mutarādif* membantu penutur dalam membentuk keindahan percakapan.

Mutarādif membantu penutur dalam membentuk keindahan percakapan. Hal demikian kerana ia merupakan suatu ruang yang mampu memperluas kefasihan uslub-uslub balaghah serta kebijaksanaan dalam syair dan sebagainya. Hal demikian kerana satu perkataan yang digunakan dalam penulisan syair tersebut mempunyai perkataan lain yang dapat digunakan dalam menghasilkan keindahan percakapan seperti menerusi persamaan irama di belakang perkataan, persamaan huruf di belakang perkataan dan pelbagai lagi keindahan yang lain.

c. *Mutarādif* membolehkan pergantian satu perkataan dengan perkataan lain yang lebih ringan dan jelas.

Mutarādif amat membantu dalam menerangkan perkataan-perkataan yang tidak difahami dengan menggantikan perkataan lain yang lebih ringan dan mudah difahami. Sebagaimana contoh kalimah *al-burru* (البر) yang bermaksud biji-bijian merupakan *al-qamhu* (القمح) yang bermaksud gandum.

Terdapat perselisihan pandangan dalam kalangan para ulama berkaitan *mutarādif* dalam al-Quran. Antara ulama yang bersetuju tentang wujudnya *mutarādif* dalam al-Quran adalah seperti Abu Bakr al-Husaini, Ibrahim Anis dan 'Ali Abd al-Wahid Wafi. Menurut Abu Bakr al-Husaini (1991) berpendapat bahawa terdapat kalimah *mutarādif* dalam al-Quran dan di antara tujuan *mutarādif* ialah menjelaskan ungkapan yang berbeza dengan menggunakan kalimah-kalimah *mutarādif*. Ibrahim Anis (1965) berpendapat bahawa terdapat begitu banyak kalimah *mutarādif* dalam al-Quran, adapun terdapat usaha dari para mufassir dalam memberikan makna tertentu bagi kalimah *mutarādif*, menurut beliau usaha tersebut adalah datang dari mereka sendiri untuk membezakan antara kalimah *mutarādif*. Manakala pandangan 'Ali Abd al-Wahid Wafi (1945) berpendapat bahawa di dalam al-Quran terdapat banyak kalimah-kalimah *mutarādif*, sebagaimana yang terdapat di dalam ungkapan sastera-sastera Arab.

Dalam pada itu, terdapat juga sebahagian daripada ulama menolak wujudnya *mutarādif* dalam al-Quran. Antara ulama yang menolak ialah al-Akk, Al-Qattan, Al-Raghib al-Asfahani, Abu Bakr Al-Anbari, Al-Zamakhsyari, Ibn Taimiyyah dan Al-Khathabi. Al-Akk (1994) berpendapat bahawa tidak ada kalimah-kalimah yang sama di dalam al-Quran kecuali ia memiliki maksud yang berbeza. Demikian juga al-Qattan (2000) berpendapat bahawa sesuatu kalimah yang dianggap *mutarādif* dalam al-Quran pada hakikatnya ianya bukanlah sinonim, seperti kalimah *al-khasyyah*, kerana kalimah ini maknanya lebih dalam berbanding *al-khauf*. Manakala al-Raghib al-Asfahani (2008) menolak adanya *mutarādif* dalam al-Quran dengan alasan bahawa setiap perkataan yang memiliki makna yang sama tidak dapat disamakan sepenuhnya kerana susunan perkataan dalam al-Quran memiliki makna yang khusus dengan erti yang berbeza mengikut kesesuaian susunannya.

Berdasarkan penelitian terhadap huraian di atas, penulis mengakui kewujudan kalimah-kalimah *mutarādif*. Walaubagaimanapun, kalimah *mutarādif* tersebut tidak dianggap memiliki persamaan makna kerana setiap kalimah yang berbeza memiliki penggunaan yang berbeza sebagaimana kalimah *khauf* (خوف) dan *khasyyah* (خشية) yang memberi persamaan makna iaitu sumpah, akan tetapi kedua kalimah ini tetap berbeza dari sudut penggunaannya.

4.0 HUBUNGAN ANTARA TADABBUR DENGAN KALIMAH MUTARĀDIF DALAM AL-QURAN

Lanjutan daripada konsep tadabbur dan *mutarādif* yang telah dikupas, penulis mendapati bahawa amalan tadabbur merupakan amalan yang paling sesuai dan berkesan dalam menelusuri dan memahami setiap intipati kalimah yang terkandung dalam kitab suci al-Quran. Pencerahan serta kefahaman yang lebih jelas dan terperinci berkaitan konsep tadabbur kalimah *mutarādif*. Berdasarkan kefahaman terhadap dua konsep tersebut justeru dapat mendorong dan membantu proses mentadabbur makna kalimah-kalimah *mutarādif* yang terkandung dalam al-Quran.



Contoh Tadabbur Kalimah *Ibil* (إبل) Dan *Jamal* (جمال) Yang Bermaksud Unta:

Kalimah *al-ibilu* (الإبل) berasal dari kata *abala-ubūlan* (أبلا - أبولا) dan *ablan* (أبلا) iaitu menahan dahaga. Unta disebut dengan *ibil* (إبل) kerana ia merupakan binatang yang dapat menahan dahaga (M. Quraish Shihab, 2007). *Majma' al-Lughah al-'Arabiyah* (1994) menyatakan *ibil* (إبل) ialah *jamal* (جمال) iaitu unta jantan dan *nūq* (نوق) iaitu unta betina. Berikut merupakan ayat bertemakan dalil-dalil yang menunjukkan kekuasaan Allah SWT;

Firman Allah SWT:

وَمِنَ الْإِبِلِ اثْنَيْنِ وَمِنَ الْبَقَرِ اثْنَيْنِ فَلِئَلْذَكَرَيْنِ حَرَّمَ أَمْ الْأُنثَيْنِ أَمْ أَسْتَمَلَتْ عَلَيْهِ أَرْحَامُ الْأُنثَيْنِ أَمْ كُنْتُمْ شُهَدَاءَ إِذْ وَصَّيْنَاكُمْ اللَّهُ
بِهَذَا فَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنْ افْتَرَى عَلَى اللَّهِ كَذِبًا يُضِلُّ النَّاسَ بِغَيْرِ عِلْمٍ إِنَّ اللَّهَ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الظَّالِمِينَ

Maksudnya: Dan dari unta dua ekor (sepasang jantan betina), dan dari lembu dua ekor (sepasang jantan betina). Tanyalah (wahai Muhammad): "Adakah yang diharamkan Allah itu dua jantannya atau dua betinanya, atau yang dikandung oleh rahim dua betinanya? Atau pun kamu ada menyaksikan ketika Allah menyuruh serta menentukan kepada kamu (atau kepada datuk nenek kamu) dengan (yang demikian) ini?" Oleh itu, siapakah yang lebih zalim daripada orang yang merekakan kata-kata dusta terhadap Allah, untuk menyesatkan manusia dengan tidak (berdasarkan) ilmu pengetahuan? Sesungguhnya Allah tidak memberi petunjuk kepada kaum yang zalim.

(Surah Al-An'am: 144)

Merujuk kitab *Tafsir al-Munir* karangan Wahbah al-Zuhaili (1991) ayat ini merupakan sambungan dari ayat sebelumnya iaitu berkaitan haiwan ternakan yang menjadi bukti kekuasaan Allah SWT. Terdapat lapan kelompok haiwan ternakan yang digunakan untuk membawa beban dan dijadikan makanan. Haiwan yang membawa beban merupakan unta dan lembu manakala haiwan yang dimakan ialah kambing dan biri-biri. Setiap dari empat jenis haiwan ini terdiri daripada jantan dan betina. Pada zaman jahiliyah sebelum kedatangan Islam, pembahagian haiwan ternakan oleh orang-orang Arab merupakan sesuatu yang tidak dapat diterima oleh akal kerana diantaranya terdapat yang haram dan juga halal. Sedangkan Allah SWT tidak mengharamkannya dan mereka berdusta atas nama Allah.

Seterusnya penjelasan berkaitan ayat di atas menurut kitab tafsir *Fi Zilalil Qur'an* karangan Sayyid Qutb (1992) ialah pada ayat ini dan ayat sebelumnya dijelaskan tentang haiwan ternakan dan disebutkan haiwan-haiwan ini terdiri dari empat pasangan iaitu biri-biri, kambing, unta dan lembu. Setiap pasangan ini terdiri daripada jantan dan betina. Yang menjadi isu ialah yang manakah di antara haiwan-haiwan ini diharamkan Allah SWT? Adakah yang jantan atau yang betina atau anak yang dikandung dalam perut ibunya? Kemudian ayat seterusnya mengajukan persoalan adakah orang Arab jahiliyah tersebut hadir serta menyaksikan sendiri perintah pengharaman tersebut? Ini adalah kerana pengharaman tersebut tidak boleh dilakukan tanpa perintah daripada Allah SWT dan tiada golongan yang lebih zalim melainkan yang melakukan pembohongan terhadap Allah SWT.

Berdasarkan penelitian penulis, kalimah *ibil* (إبل) merupakan perkataan yang menjadi gelaran umum untuk semua jenis unta. Sebagaimana kajian yang dijalankan oleh Arif Humaini (2007) menjelaskan bahawa unta dalam bahasa Arab ialah *ibil* (إبل). Kalimah *ibil* (إبل) digunakan untuk menyebutkan unta secara keseluruhan dan ia juga merupakan nama khusus unta yang menjadi haiwan ternakan serta kegunaannya untuk mengangkut barang.

Kalimah *jamal* (جمال) merupakan nama khusus bagi unta jantan dewasa yang berumur lingkungan enam hingga sembilan tahun iaitu anak unta yang dewasa yang mana giginya telah tumbuh lengkap (Arif Humaini, 2007). *Majma' al-Lughah al-'Arabiyah* (1994) *jamal* (جمال) ialah unta yang lebih besar daripada *ibil* (إبل).

Seterusnya berikut merupakan ayat berkisarkan tentang balasan terhadap orang-orang kafir.

Firman Allah SWT:



إِنَّ الَّذِينَ كَذَّبُوا بِآيَاتِنَا وَاسْتَكْبَرُوا عَنْهَا لَا نُفْتَحُ لَهُمْ أَبْوَابَ السَّمَاءِ وَلَا يَدْخُلُونَ الْجَنَّةَ حَتَّى يَلِجَ الْجَمَلُ فِي سَمِّ الْخِيَاطِ وَكَذَلِكَ نَجْزِي الْمُجْرِمِينَ

Maksudnya: Sesungguhnya orang-orang yang mendustakan ayat-ayat (perintah) Kami dan yang angkuh (merasa dirinya lebih) daripada mematuhiNya, tidak sekali-kali akan dibukakan bagi mereka pintu-pintu langit dan mereka tidak akan masuk Syurga sehingga unta masuk di lubang jarum dan demikianlah Kami membalas orang-orang yang melakukan kesalahan.

(Surah Al-A'raf: 40)

Wahbah al-Zuhaili (1991) menjelaskan *mufradāt lughawiyah* bagi kalimah *jamal* (جمال) ialah unta yang telah tumbuh gigi taringnya. Ayat ini menyatakan bahawa sesungguhnya Allah SWT tidak akan menerima orang-orang yang mendustakan ayat-ayatNya. Mereka tidak akan dapat masuk syurga buat selama-lamanya kerana memasuki syurga bagi mereka merupakan suatu perkara mustahil sebagaimana perumpamaan sehingga unta masuk ke lubang jarum. Demikianlah Allah membalas setiap orang yang melakukan kejahatan terhadap hak Allah SWT.

Selain itu, Ibnu Kathir (2004) menyatakan bahawa jumhur ulama bersepakat kalimah *jamal* (جمال) bermaksud unta. Menurut Ibnu Mas'ud yang dimaksudkan dengan unta tersebut ialah unta jantan iaitu anak kepada unta betina. Terdapat juga riwayat lain yang menyebutkan yang dimaksudkan dengan unta tersebut ialah unta jantan yang merupakan pasangan (suami) kepada unta betina.

Di samping itu, Sayyid Qutb (1992) menjelaskan berkenaan perumpamaan unta yang hendak melepasi dirinya melalui lubang jarum. Sekiranya lubang jarum yang sempit dibuka dan dapat dilalui oleh unta yang besar, maka pada saat itulah pintu langit dibuka kepada para pendusta serta diterima doa-doa dan taubat mereka agar mereka dapat memasuki syurga. Namun sekarang, sebelum unta dapat memasuki lubang jarum mereka terpaksa berada di dalam neraka untuk menerima azab siksaan yang berlipat ganda. Demikianlah balasan terhadap orang-orang yang melakukan kesalahan.

Kesimpulannya, *jamal* (جمال) merupakan gelaran bagi unta jantan yang telah dewasa yang mana ia mencapai ukuran yang besar sehingga mustahil untuk memasuki lubang jarum sebagaimana ayat di atas. Menurut Arif Humaini (2007) *jamal* (جمال) merupakan unta jantan dewasa yang berumur enam sehingga sembilan tahun yang mana pada usia ini gigi-giginya telah tumbuh dengan sempurna. Pada usia ini juga ia sudah dapat digunakan dalam melakukan pekerjaan sama ada sebagai haiwan tunggangan dan sebagainya.

Jadual 1.0 : Rumusan Tadabbur Makna “Unta” Bagi Kalimah *Ibil* (إبل) Dan *Jamal* (جمال)

<i>Ibil</i> (إبل)	<i>Jamal</i> (جمال)
Nama yang digunakan untuk mengumpulkan setiap kumpulan unta sama ada unta jantan ataupun unta betina.	Unta jantan (dewasa, bersedia untuk membiak).

Berdasarkan perbincangan di atas, penulis merumuskan bahawa kalimah *ibil* (إبل) merupakan nama yang digunakan untuk mengumpulkan setiap kumpulan unta sama ada unta jantan ataupun unta betina manakala kalimah *jamal* (جمال) merupakan nama bagi unta jantan yang telah dewasa dan bersedia untuk membiak.

Demikianlah salah satu contoh hubungan tadabbur dengan kalimah *mutarādif* yang terdapat dalam al-Quran. Tadabbur al-Quran dan tafsir al-Quran mempunyai perkaitan yang amat rapat dalam memahami lafaz-lafaz *mutarādif*. Ini kerana tafsir al-Quran memberikan kesan yang besar terhadap makna setiap kalimah yang diterangkan dalam penafsiran khususnya berkaitan kalimah-kalimah *mutarādif* yang mempunyai persamaan makna pada sudut



zahir. kefahaman yang mendalam terhadap makna kalimah yang terkandung dalam ayat al-Quran menunjukkan kepada proses tadabbur iaitu meneliti dan menghayati isi kandungan ayat-ayat suci al-Quran dengan mendalam agar memperoleh petunjuk seterusnya dapat mengukuhkan keimanan kepada Allah SWT (Abdul Razif Zaini 2021).

Setiap kalimah *mutarādif* secara umumnya mempunyai makna yang sama, namun secara khususnya apabila dikaji secara teliti dan mendalam ia mempunyai maknanya sendiri. Justeru ini akan memberikan manfaat dan kesan yang amat besar terhadap setiap pentadabbur al-Quran kerana makna sebenar setiap kalimah tersebut dapat membantu setiap pembaca al-Quran untuk mengaplikasikannya semasa proses mentadabbur al-Quran dilaksanakan.

Menurut Zamri Rajab(2022) perbuatan mentadabbur ayat-ayat al-Quran merupakan pendorong yang paling berkesan dalam mengkaji kemukjizatan al-Quran. Hal demikian kerana perbuatan mentadabbur tersebut melibatkan aspek bahasa yang merupakan teras dalam memahami kemukjizatan al-Quran itu sendiri. Tadabbur al-Quran merupakan sebuah proses meneliti ayat al-Quran untuk menggali maksud yang tersirat mengikut kemampuan setiap individu. Walaubagaimanapun proses ini hendaklah dimulai dengan memahami maksud tersurat yang terkandung pada ayat al-Quran melalui kitab-kitab tafsir al-Quran. Maksud tersurat dan tersirat tersebut boleh ditelusuri, difahami dan diteliti melalui kalimah-kalimah *mutarādif*.

Kenyataan tersebut disokong hasil dapatan Rahmah Ahmad H. Osman (2022) yang menyatakan kitab suci al-Quran diturunkan dalam bahasa Arab memerlukan kepada tadabbur untuk memahami setiap isi kandungannya. Justeru, al-Quran yang berfungsi sebagai petunjuk kepada seluruh manusia menjadi faktor kemunculan tafsir al-Quran. Ini adalah kerana sebahagian besar ayat al-Quran membicarakan sesuatu perkara secara asas sahaja yang memerlukan kepada tafsiran al-Quran agar dapat memahami segala isi kandungannya untuk diterapkan dengan baik dan sempurna dalam kehidupan.

Nurul Zakirah Mat Sin (2014) menyatakan tadabbur dan tafsir mempunyai perkaitan yang amat rapat antara satu sama lain. Hal demikian kerana ilmu *Qawa'id al-Tafsir* merupakan antara elemen penting dalam menguasai tadabbur al-Quran. Membaca kitab tafsir juga merupakan jambatan kepada tadabbur dalam mencapai kefahaman terhadap ayat-ayat al-Quran. Maka menerusi kalimah *mutarādif*, perlu juga merujuk kepada tafsir-tafsir untuk lebih memahami huraian dan penghayatan ayat-ayat suci al-Quran. Justeru kelaziman seseorang individu mendampingi al-Quran dapat meningkatkan kemahiran tadabbur dalam meneliti hikmah-hikmah yang terkandung padanya serta dapat menggali dan membongkar rahsia serta keajaiban al-Quran sebagai sebuah mukjizat.

Sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Rohana et al (2018) bahawa kefahaman terhadap kandungan ayat-ayat suci al-Quran merupakan satu anugerah yang diberikan oleh Allah SWT terhadap orang-orang yang bersungguh-sungguh mempelajari isi kandungan al-Quran. Justeru tadabbur menjadi satu kewajipan dalam berinteraksi dengan al-Quran kerana al-Quran merupakan panduan dan bimbingan yang amat penting dalam kehidupan. Dalam pada itu, al-Darimi (2007) juga menyebutkan bahawa Saidina Ali bin Abi Thalib mengingatkan “Tidak ada kebaikan dalam sesebuah ibadah bagi yang tidak memahaminya dan tidak ada kebaikan dalam membaca al-Quran bagi orang yang tidak mentadabbur ayat-ayatnya.”

Oleh yang demikian, tadabbur merupakan satu jalan yang terbaik untuk memahami dan mendalami ayat-ayat suci al-Quran serta menggali segala rahsia-rahsia dan makna-makna yang tersirat menerusi kalimah-kalimah *mutarādif*. Maka pemahaman yang mantap serta penghayatan yang mendalam terhadap ayat-ayat al-Quran dapat membawa seseorang ke jalan kebenaran serta mendorong ke arah kehidupan seorang muslim yang dekat dengan Allah SWT.

5.0 KESIMPULAN

Amalan mentadabbur ayat-ayat al-Quran akan mencetuskan ilmu pengetahuan sebagai hasil yang diperolehi bagi sesiapa yang istiqamah dalam mengamalkannya. Ilmu yang terhasil melalui penghayatan terhadap ayat-ayat suci tersebut akan menjadi bukti bahawa al-Quran bukan sekadar dibaca sebagai rutin harian. Malah ia dihayati dan difahami agar dapat merangsang minda untuk membuahkan ilmu pengetahuan di samping meneguhkan keimanan



dalam diri. Kesimpulannya hubungan tadabbur dengan kalimat *mutarādif* mempunyai kaitan yang saling berkait rapat, agar menghasilkan pemahaman dan penghayatan yang mendalam terhadap isi kandungan al-Quran. kalimat *mutarādif* secara umumnya mempunyai makna yang sama, namun secara khususnya apabila dikaji secara teliti dan mendalam ia mempunyai maknanya sendiri. Justeru ini akan memberikan manfaat dan kesan yang amat besar terhadap setiap pentadabbur al-Quran kerana makna sebenar setiap kalimat tersebut dapat membantu setiap pembaca al-Quran untuk mengaplikasikannya semasa proses mentadabbur al-Quran dilaksanakan. Apabila seseorang pentadabbur itu mempunyai pengetahuan berkaitan makna sebenar setiap kalimat, maka ia akan mencapai tahap kefahaman yang jelas serta dapat memahami pesanan penting yang disebutkan pada setiap ayat al-Quran dengan baik seterusnya dapat diaplikasikan dalam kehidupan seharian.

CONFLICT OF INTEREST / KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan sama ada daripada sudut kewangan dan sebagainya dalam menjalankan penyelidikan ini

ACKNOWLEDGEMENT/ PENGHARGAAN

Penulis merakamkan penghargaan kepada semua yang terlibat dalam penulisan kajian ini.

RUJUKAN

- Abdul Razif Zaini. 2021. Memahami Makna Kata Dalam Al-Quran Berbantuan Senarai Kata Berfrekuensi Tinggi. *Jurnal Qiraat: Jurnal Al-Quran Dan Isu-Isu Kontemporeri*. Vol. 4. Bil. 1. H. 47-66.
- Abu Bakar Muhammad Ibn Husain Al-Jiri. 2002. *Akhlah Hamālah al-Quran. Dār al-Kutb*: Beirut. H. 36.
- Ahmad Bazli Ahmad Hilmi, Zulkifli Haji Mohd Yusoff & Selamat Amir. 2015. Terjemahan Makna Kalimah *Al-Muzn* Dan *Yasbahun*: Satu Penilaian Semula Berdasarkan Kaedah Tafsir Ilmi. *Ulum Islamiyyah Journal*.
- Al-Akk. 1986. *Usul Al-Tafsīr Wa Qawā'iduh. Dār Al-Nafā'is*: Beirut. H. 271.
- Alamuddin Syah. 2017. Lafaz-Lafaz Yang Bermakna Keburukan Dalam Perspektif Al-Quran: Analisis Terhadap Lafaz *Al-Syarr*, *Al-Fahsyā'* Dan *Al-Sū'*. Program Studi Ilmu Al-Quran Dan Tafsir Fakultas Usuluddin Universiti Islam Negeri Syariff Hidayatullah Jakarta.
- Al-Darimi Abu Muhammad Abdullah 2007. *Sunan al-Darimi*. Tahqiq Dr Mustafa Deib al-Bugha. Dar al-Mustafa Damsyiq
- Ali Akbar. 2020. Interpretasi Lafaz *Al-Ism* Dan *Al-Zanb* Dalam Al-Quran. Pascasarjana Universiti Islam Negeri Sulthan Thaha Saifuddin Jambi.
- Al-Jurjani. 2009. *Kitab al-Ta'rīfat. Dār Al-Kutub Al-Ilmiyah*: Beirut. H.60.
- Al-Lahim Khalid bin Abdul Karim(1425H) *Mafatih Tadabbur wa al-Najah fi al-Hayat*. Maktabah Malik al-Fahd Riyadh
- Al-Qattan. 2000. *Mabāhits Fī 'Ulūm Al-Quran. Maktabah Wahbah*: Cairo. H. 194.
- Arif Humaini. 2007. *Leksikon Untuk Unta Dalam Bahasa Arab Kajian Etnosemantik*. Program Studi Linguistik Jurusan Ilmu-Ilmu Humaniora. Program Pascasarjana Univeristi Gadjah Mada Yogyakarta.
- Ibn Jinni. 1956. *Al-Khasā'is. Dār al-Kitāb al-'Arabī*: Beirut.
- Ibn Kathir. 2004. *Tafsir Ibnu Kathir*. Pustaka Imam Al-Syafi'i: Bogor. Jil. 5. H. 436
- Ibrahim Anis. 1965. *Al-Lahajāt Al-'Arabiyyah*. Maktabah Al-Anjalu. H.54



- M. Quraish Shihab. 2007. *Ensiklopedia al-Quran: Kajian Kosakata*. Jil. 1 Editor Sahabudin. Jakarta: Lentera Hati
- Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah, 1994. *Al-Mu'jam al-Wajīz*. Jumhuriyah Misr Al-Arabiyyah.
- Muhammad Al-Tunji & Raji Al-Asmar. 1993. *Al-Mu'jam Al-Mufashshal Fi 'Ulūm Al-Lughah (Al-Insaniyyah)*. Dār Al-Kutub Al-'Ilmiyyah: Beirut. H. 161.
- Muhammad Nur al-Din al-Munajjid. 1997. *Al-Tarāduf Fī Al-Quran Al-Karīm (Baina Al-Nazariyyah Wa Al-Taṭbīq)*. *Dār al-Fikr*, Beirut.
- Nurul Anis Fariza Abu Osman & Khazri Osman. 2024. Cabaran Pendakwah Dalam Menguasai Bahasa Arab. Prosiding Seminar Dakwah & Wahdah al-Ummah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nurul Zakirah Mat Sin, 2014 : *Definisi Qawa'id Al-Tadabbur : Satu Analisis Perbandingan Dengan Qawa'id Al-Tafsir*.
- Raghib Al-Asfahani. 2020. *Mufradāt Alfaz Al-Qu'ran*.
- Rahmah binti Ahmad H. Osman. 2002. Keistimewaan Bahasa Arab Sebagai Bahasa Al-Quran Dan Kepentingan Menguasainya Bagi Para Mufasssirin. *Al-Hikmah Research & Publication Centre*. Vol. 5. No. 2.
- Rohana Zakaria, Noorhafizah Mohd Haridi, Shaharuddin Pangilun, Mardhiah Yahaya & Hayati Hussin. 2018. Tadabbur: Persepsi Dan Amalan Masyarakat Terhadap Al-Quran Di Malaysia. *International Research Management & Innovation Conference (5th IRMIC)*. Palm Garden Hotel: Putrajaya.
- Syamsuar Hamka. 2021. Implimentasi Metode Tadabbur Al-Quran Di Pesantren Ar-Rahman Bogor. *Al-Iltizam: Jurnal Pendidikan Agama Islam*. Vol. 6. No. 2.
- Wahbah al-Zuhaili 2009. *al-Tafsir al-Munir fi al-Aqidah wa al-Syari'ah wa al-manhaj*. Dar al-Fikr Dimasyq.
- Wahbah Al-Zuhaili. 1991. *Al-Tafsīr Al-Munīr Fī Al-'Aqīdatī Wa Al-Syarī'atī Wa Al-Manhaj*. Dār Al-Fikr Al-Mu'āshir: Beirut
- Yusuf Al-Qardhawi 1999. *Kaifa Nataa' Maa' al-Quran al-'Azim* . Dar as-Syuruq 1999
- Zamri bin Rajab. 2022. Tadabbur Al-Quran Dalam Teks Pengajian Kitab *Tashīl Nayl Al-Amānī*. Al-Muallim Jurnal Penyelidikan. Institut Pendidikan Guru Kampus Sultan Mizan.